

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HSA 101 - Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Nilai pendapat yang mengutamakan negara dan politik sebagai pokok perbincangan (subject matter) sejarah.
2. "Penulisan sejarah amat bergantung kepada bukti (evidence)". Menurut pendapat anda, sejauh manakah bukti menjadi sumber utama dalam penulisan sejarah?
3. "Peristiwa-peristiwa besar dalam sejarah selalunya digerakkan oleh faktor ekonomi". Bincangkan.
4. "Pengadilan moral adalah tidak bersangkutan-paut dengan penyiasatan sejarah dan asing daripada ruang intelek sejarah saintifik" - Butterfield. Bahaskan kebenaran kenyataan ini.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Kupaskan perubahan utama pensejarahan Greek/Yunani, dan sejauhmana ia telah melepaskan diri daripada tradisi penulisan sebelumnya.

.../2

6. Huraikan ciri-ciri utama pensejarahan Kristian, dengan merujuk kepada peranan St. Augustine.
7. Aliran evolusionisme (Darwin) membawa pengaruh yang besar terhadap perkembangan pensejarahan moden. Nilaikan.
8. Pensejarahan Islam pada zaman awal lebih bergantung kepada kaedah penyelidikan Hadith. Bahaskan kenyataan ini dengan merujuk kepada peranan Urwah bin Al-Zubair dan ibn Shihab al-Zuhri.

-oooOOoooo-